

# BERITA HARIAN

## Maklumat, teknologi digital mampu perkasa masyarakat

Mei 17, 2023 @ 10:15am



Memperkasakan masyarakat melalui teknologi maklumat dan digital adalah perjalanan berterusan ke arah mewujudkan masyarakat lebih inklusif dan saksama.

Sebagai rakan kongsi yang komited kepada inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), TM komited merapatkan jurang maklumat, sekali gus membolehkan peluang ekonomi, meningkatkan pendidikan dan memupuk pembabitan sivik.

Ini kerana teknologi itu berpotensi mengubah masyarakat dan memperkasakan individu, malah maklumat dan teknologi digital boleh menangani cabaran sosial serta menggalakkan keterangkuman.

Dengan memanfaatkan potensi teknologi digital, komuniti secara proaktif ia boleh menangani isu masyarakat, meningkatkan daya tahan dan meningkatkan kesejahteraan.

"Ia seja jar dengan transformasi TM menjadi syarikat teknologi yang berteraskan insan, seterusnya membina komuniti berpengetahuan, sentiasa berhubung dan mampu membentuk masa depan digital sendiri."

Oleh itu TM telah bekerja tanpa jemu untuk merapatkan jurang dan menggalakkan keterangkuman lebih besar untuk semua rakyat Malaysia.



TM turut berhasrat, menyediakan liputan jalur lebar berkualiti tinggi yang menyumbang kepada kemajuan sosial, menggalakkan pembabitan sivik dan seterusnya, memperkasakan Malaysia Digital menerusi Pakej Perpaduan yang khusus memberi khidmat kepada golongan B40, warga emas, orang kurang upaya (OKU) serta veteran tentera dan polis.

Selain itu, menerusi Pusat Ekonomi Digital (PEDi) untuk komuniti luar bandar dan pinggir bandar, serta usaha gentian seluruh negara untuk 5G dan pemodenan rangkaian.

Ini kerana teknologi digital telah merevolusikan cara TM menjalankan perniagaan dan mencipta jalan baharu untuk pertumbuhan ekonomi.

### **Perkasa komuniti celik digital**

Unifi Business misalnya, telah mewujudkan program end-to-end side by side di mana pemilik perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) boleh meningkatkan kemahiran diri sambil mendapatkan bantuan dalam menjalani proses pendigitalan mereka dengan pantas.

Begitu juga landskap pendidikan telah melalui transformasi besar-besaran apabila turut menawarkan platform pembelajaran inovatif, kursus dalam talian, platform e-pembelajaran serta bilik darjah digital dan sebagainya.

Dengan memperkasakan komuniti celik digital dan memastikan akses kepada sumber pendidikan berkualiti, ia mampu mengecilkan jurang pendidikan dan melengkapkan individu dengan kemahiran diperlukan untuk pasaran pekerjaan yang berkembang pesat.

Sementara itu, TM One memperkenalkan TM One Sandbox iaitu komponen kedua Program Ekosistem Sfera yang bertujuan untuk mempercepatkan penciptaan bersama penyelesaian termaju dan menangani keperluan digital perusahaan, kerajaan serta masyarakat.